

1053- SISTEM PENGURUSAN HARTA PUSAKA DI PERUNDANGAN SIVIL LAWAN TUNTUTAN HARTA PUSAKA DI PERUNDANGAN SYARIAH: KAJIAN DWI SISTEM PERUNDANGAN HARTA PUSAKA ORANG ISLAM DI MALAYSIA

ESTATE MANAGEMENT SYSTEM IN CIVIL LAW AGAINST ESTATE CLAIMS IN SYARIAH LAW: A REVIEW OF THE DUALISM SYSTEM OF MUSLIM ESTATES IN MALAYSIA

AHMAD TERMIZI ABDULLAH

Pengarah, Solusi Pewarisan Sdn. Bhd.

Peguambela & Peguamcara, Peguam Syarie, Tetuan Termizi & Co.

mizico@gmail.com

ABSTRAK

Pengurusan harta pusaka orang Islam di Negara kita menggunakan dwi sistem perundangan, iaitu perundangan sivil di bawah bidang kuasa persekutuan, dan perundangan syariah di bawah bidang kuasa negeri. Hal ini menimbulkan kekeliruan kepada orang awam lantaran tiadanya pusat sehenti bagi tuntutan harta pusaka. Secara umumnya, tuntutan harta pusaka dikawal oleh undang-undang di bawah bidang kuasa persekutuan, sedangkan perintah faraid itu pula di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Begitu juga bagi kes-kes tuntutan wasiat dan hibah, ia dikendalikan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah di negeri-negeri, walhal dalam masa yang sama pengurusan harta pusaka bagi si mati yang sama boleh berjalan secara serentak pada peringkat persekutuan sama ada di Amanah Raya Berhad, dan/atau di Unit Pembahagian Pusaka Kecil, dan/atau di Mahkamah Tinggi Sivil. Beberapa penambahbaikan perlu dibuat ke atas sistem yang ada ini bagi menyelaraskan sistem pengurusan harta pusaka orang Islam supaya tidak berlakunya kes-kes seperti perintah pengesahan wasiat dan hibah yang dikeluarkan sedangkan perintah turunkmilik akibat kematian sama ada dari Unit Pembahagian Pusaka Kecil dan/atau Mahkamah Tinggi Sivil sudah pun didaftarkan terlebih dahulu bagi harta pusaka yang sama. Proses rayuan dan/atau semakan kehakiman terhadap kesilapan sebegini akan hanya merugikan masa dan kos pihak-pihak yang terlibat. Kertas kerja ini menyorot isu ini bagi membolehkan pihak-pihak yang terlibat memahami sistem yang diamalkan di Negara kita ini dan sama-sama mencari solusi bagi menambah baik sistem yang ada.

Kata kunci: *pengurusan harta pusaka, Amanah Raya Berhad, Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Mahkamah Tinggi Sivil, Mahkamah Syariah, Bahagian Kuasa Mati, permohonan pengesahan wasiat, permohonan pengesahan hibah*

ABSTRACT

The management of the estate of Muslims in our country uses a dual legal system, which is civil law under federal jurisdiction, and syariah law under the jurisdiction of the state. This causes confusion to the public as there is no one-stop centre for estate claims. Generally, estate claims are regulated by law under federal jurisdiction, whereas the faraid order is under the jurisdiction of the state government. Similarly, for cases of will and hibah claims, it is handled under the jurisdiction of the Syariah Court in the states, while at the same time the management of the estate for the same deceased can be carried out simultaneously at the federal level either at Amanah Raya Berhad, and/or in the Small Estate Distribution Unit, and/or in the Civil High Court. Several improvements need to be made to the existing system to streamline the management system of Muslim estates so that there are no cases such as the confirmation order of wills and hibah issued whereas the order of transmission due to death either from the Small Estate Distribution Unit and/or the Civil High Court is already registered in advance for the same estate. The appeal process and/or judicial review of such errors will only harm the time and cost of the parties involved. This paper highlights this issue to enable the parties involved to understand the system practiced in our country and to find solutions to improve the existing system.

Keywords: estate management, Amanah Raya Berhad, Small Estate Distribution Unit, Siivil High Court, Syariah Court, Bahagian Kuasa Mati, will verification application, application for confirmation of hibah

PENDAHULUAN

Secara umumnya, harta boleh dibahagikan kepada dua (2) kategori; harta alih dan harta tak alih. Harta alih merujuk kepada harta yang bukan dalam bentuk hartanah. Contohnya seperti wang simpanan, saham, kenderaan, pampasan takaful, binatang ternakan, wang digital, wang kripto, dan lain-lain. Manakala harta tak alih adalah harta dalam bentuk hartanah seperti tanah, rumah, bangunan, dan sebagainya.

Bagi beberapa negara, mereka menambah satu lagi kategori harta iaitu harta intelek. Dari segi amalan di negara kita, harta intelek dimasukkan di bawah kategori harta alih. Pengurusan harta pusaka di Malaysia adalah berdasarkan kategori harta dan nilai harta yang ditinggalkan oleh si mati.

BIDANG KUASA PENGURUSAN HARTA PUSAKA

Urusan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa institusi-institusi berikut:

1. Ketua Jabatan / Agensi
2. Amanah Raya Berhad
3. Mahkamah Tinggi
4. Pentadbir Tanah / Seksyen Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)

Ketua Jabatan / Agensi

Berkuasa membahagikan harta pusaka boleh alih, nilai tidak melebihi RM2,000 menurut Pekeliling Perbendaharaan bil. 2/86. Memandangkan taraf kehidupan dan ekonomi kakitangan kerajaan masa kini yang meningkat, kaedah ini jarang dipraktikkan. (Mohd Fitri Abdul Rahman. 2007. hlm.20-21)

AMANAH RAYA BERHAD (ARB)

Pentadbiran harta pusaka oleh ARB ditadbir oleh Akta Perbadanan Amanah Raya 1995. Di bawah Akta ini, pejabat-pejabat Pemegang Amanah Awam dan Pentadbir Rasmi tidak lagi wujud. Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 antara lain memperuntukkan letak hak harta, hak dan liabiliti Pemegang Amanah Awam dan Pentadbir Rasmi dalam Perbadanan yang dipanggil Amanah Raya Berhad. Selain daripada fungsinya dalam pentadbiran harta pusaka, ARB juga berhasrat untuk menjadi sebuah syarikat amanah swasta yang cekap dan menguntungkan.

Seksyen 17 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 memperuntukkan ringkasan pentadbiran harta alih oleh ARB. Mengikut seksyen 17(1) Akta, jika seseorang meninggal dunia sama ada si mati meninggalkan wasiat atau tidak, hanya meninggalkan hanya harta alih dan jika jumlah nilai harta itu tidak melebihi enam ratus ribu (600,000) ringgit, pentadbiran pusaka ringkas berkenaan dengan harta itu boleh dibuat oleh ARB.

Permohonan Ringkas Pentadbiran Harta Pusaka

Menurut seksyen 17(1) Akta Perbadanan Amanah Raya 1995, ARB diberi kuasa untuk mentadbir harta pusaka si mati secara ringkas. Seksyen ini memperuntukkan bahawa apabila mana-mana orang meninggal dunia, sama ada berwasiat atau tidak, meninggalkan harta alih di Malaysia dan jumlah nilai harta tanpa potongan untuk hutang tetapi tidak termasuk nilai mana-mana harta yang dimiliki atau berhak sebagai pemegang amanah dan tidak melebihi enam ratus ribu ringgit (RM600,000) dan tiada seorang pun berhak memohon kepada mahkamah atas pemberian probet wasiat atau tiada petisyen untuk surat kuasa pentadbiran, permohonan boleh dibuat kepada ARB untuk pentadbiran ringkas harta pusaka tersebut.

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang seperti yang disediakan oleh ARB. Pemohon juga dikehendaki mengemukakan dokumen penting seperti sijil kematian atau bukti kematian lain, sijil perkahwinan, salinan kad pengenalan atau sijil kelahiran yang sah. Dokumen lain seperti buku simpanan bank atau kad pendaftaran kenderaan juga perlu disertakan bersama permohonan. Bagi umat Islam, Perintah Faraid juga diperlukan.

Setelah semua dokumen yang diperlukan dikemukakan, ARB akan meneruskan untuk mengesahkan status waris serta aset dan liabiliti si mati. Ini dilakukan melalui siasatan dengan pihak berkaitan. Carian di Bahagian Kuasa Mati Mahkamah Tinggi juga akan dibuat untuk menentukan sama ada terdapat sebarang permohonan sebelum ini untuk pentadbiran harta pusaka yang sama.

Atas penyiasatan dan pencarian sedemikian, ARB hendaklah, jika difikirkannya patut berbuat demikian, mengisytiharkan dengan menulis bahawa ia berjanji untuk mentadbir harta itu. ARB hendaklah diberi kuasa untuk mentadbir harta itu seolah-olah surat kuasa pentadbiran harta pusaka si mati telah diberikan kepada ARB. Resit ARB adalah mencukupi bagi melepaskan liabiliti kepada mana-mana pihak yang membayar apa-apa wang atau menyerahkan apa-apa harta kepada ARB. Notis pengisytiharan sedemikian hendaklah difailkan di Dalam Daftaran mahkamah yang betul.

Dalam kes-kes di mana ARB berpuas hati bahawa nilai harta tidak melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000), seksyen 17(2) Akta memberi kuasa kepada ARB untuk mengarahkan bahawa perkara yang sama atau mana-mana bahagian harta itu dihantar kepada mana-mana orang atau orang yang berpuas hati dengan hak milik pihak yang menuntut dan nilai harta itu dengan mengangkat sumpah atau mengesahkan pihak yang menuntut atau oleh apa-apa keterangan lain sebagaimana yang dikehendaki oleh ARB. Dalam kes sedemikian, ARB mungkin memerlukan perlindungan yang difikirkannya wajar bagi pentadbiran harta yang sewajarnya atau untuk melindungi hak mana-mana orang lain.

Kuasa yang diberikan kepada ARB, walau bagaimanapun, adalah tanpa menjejaskan kuasa untuk berurusan, tanpa pemberian probet atau surat kuasa pentadbiran, dengan harta si mati yang diberikan kepada mana-mana orang lain oleh mana-mana undang-undang bertulis lain dengan syarat bahawa tiap-tiap orang itu hendaklah, atas permintaan, membekalkan kepada ARB akuan penuh dan benar mana-mana harta itu diuruskan olehnya. Orang itu juga hendaklah, jika dikehendaki, membayar atau menyampaikan kepada ARB apa-apa wang atau harta lain yang tinggal di bawah kawalannya.

Walau bagaimanapun, walau apa pun apa-apa perisytiharan yang dibuat oleh ARB berhubung dengan pentadbiran ringkas harta pusaka, ARB boleh menolak untuk meneruskan pentadbiran harta di tangannya sehingga perintah pembahagian atau pemberian surat probet atau pemberian surat kuasa pentadbiran telah diperoleh berhubung dengan harta pusaka si mati pada bila-bila masa sebelum pembahagian mana-mana bahagian harta di kalangan waris.

PENTADBIR TANAH / UNIT PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL

Pusaka Kecil bukanlah bermaksud harta yang kecil keluasannya tetapi ia bergantung kepada nilai harta tersebut. Nilai yang ditetapkan adalah harta yang nilainya kurang daripada RM2,000,000 semasa permohonan dibuat.

Di samping itu, ia mempunyai ciri-ciri berikut:

- i. Tiada wasiat dibuat oleh si mati. Jika ada wasiat dibuat oleh si mati, ia akan termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Tinggi Sivil tanpa mengira nilai harta tersebut.
- ii. Harta itu terdiri daripada harta tidak alih / tanah sahaja; atau kombinasi harta tidak alih / tanah dan harta alih seperti wang tunai, saham, wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), saham amanah seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan sebagainya. (Ahmad Tarmizi Jusoh. 2009. hlm. 145)

Walau bagaimanapun, bagi harta si mati yang telah mempunyai penama, permohonan pembahagian pusaka adalah tidak perlu. Penama pada kebiasaannya akan menerima terus harta yang dinamakan kepadanya. Sebagai contoh, simpanan dalam KWSP, tabung haji, dan takaful. Bagi orang Islam, penama hanya berperanan sebagai pemegang amanah sahaja. Harta tersebut perlu dibahagikan di bawah hukum faraid kepada ahli waris yang berhak. Jika terdapat kemusykilan, orang ramai boleh merujuk kepada Jabatan Undang-undang institusi tersebut. (Amir Bahari. 2012. hlm.71) Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa penama ialah *wasi* dan Pemegang Amanah yang bertanggungjawab untuk membahagikan wang yang diamanahkan kepadanya kepada waris yang berhak mengikut hukum faraid. (Amir Bahari. 2012. hlm.84)

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 memberi bidang kuasa kepada pejabat tanah untuk mentadbir, membahagikan (termasuk memberi perintah turunmilik) harta pusaka alih dan tak alih si mati tanpa wasiat yang nilaiannya kurang daripada RM2 juta. (Seksyen 3(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955). Dalam Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969, Perintah 1991, Peguam Negara mengarahkan hal pengurusan dan pembahagian harta pusaka kecil diletakkan di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). JKPTG dengan itu mewujudkan jawatan pegawai penyelesaian pusaka kecil (penolong pengarah) pada tahun 1974, khusus bagi tugas-tugas pembahagian harta pusaka. Penolong Pengarah di Seksyen Pembahagian Pusaka, JKPTG diwartakan sebagai penolong pentadbir tanah dan majistret kelas 2, berperanan mendengar dan memutuskan perbicaraan harta pusaka mengikut Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Pindaan 2008). (Mohd Fitri Abdul Rahman. hlm. 23)

Perlu juga diingat bahawa Unit Pembahagian Pusaka Kecil tidak ada bidang kuasa untuk permohonan bicara pusaka yang melibatkan harta alih sahaja, tanpa harta tak alih. Walau bagaimanapun, unit pembahagian pusaka kecil mempunyai bidang kuasa jika terdapat kepentingan yang wujud dari mana-mana tanah seperti wang imbuhan pengambilan balik

tanah dan sebagainya. Sekiranya si mati hanya meninggalkan harta alih sahaja, permohonan boleh dibuat di Pejabat Amanah Raya Berhad atau di mahkamah melalui peguam. (Amir Bahari. hlm. 71)

Rayuan Dari Unit Pembahagian Pusaka Kecil ke Mahkamah Tinggi

Rayuan boleh dibuat oleh ahli waris atau mana-mana pihak berkepentingan yang tidak berpuas hati dengan keputusan pembahagian yang dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah dalam mana-mana perbicaraan di bawah Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Pindaan 2008). Rayuan hendaklah menggunakan Borang K2. Selepas Borang K2 difailkan, pihak Unit Pembahagian Pusaka Kecil pula akan memfailkan Borang K1.

Berkaitan dengan rayuan bagi bicara pusaka kecil, ia hendaklah dilakukan di Mahkamah Tinggi di negeri mana permohonan pembahagian harta pusaka dimasukkan dan mestilah dibuat melalui unit pembahagian pusaka kecil yang menguruskan permohonan harta pusaka tersebut.

Rayuan sepatutnya dibuat dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah pembahagian dikeluarkan. (Seksyen 29 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 & Peraturan 10, Peraturan Harta Pusaka Kecil 1955). Rayuan masih boleh dibuat bagi kes pembahagian pusaka yang telah lama selesai dijalankan, namun perintah perlanjutan tempoh rayuan hendaklah diperolehi terlebih dahulu dari mahkamah tinggi sivil. Perintah mahkamah tinggi adalah menjadi muktamad di bawah Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Pindaan 2008) dan tidak boleh lagi dirayu di mana-mana mahkamah lain. Selalunya pemohon perlu menggunakan perkhidmatan peguam bagi membantu mereka di dalam membuat rayuan di Mahkamah Tinggi. (Amir Bahari. hlm. 88-89)

Rayuan Di Luar Tempoh Masa

Permohonan lanjutan masa untuk memfailkan Notis Rayuan (Borang K2) bagi merayu keputusan Penolong Pentadbir Tanah yang telah mengeluarkan Perintah Turun Milik Akibat Kematian (Borang E / Borang T) berdasarkan kuasanya di bawah seksyen 13 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 boleh dibuat. Permohonan ini boleh dibuat berdasarkan Aturan 3 Kaedah 5 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012, Seksyen 29 dan 30 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, dan Peraturan 10(1)(c) Peraturan Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

Walaupun Aturan 10(1)(c) mengatakan bahawa Notis Rayuan hendaklah difailkan dalam masa 14 hari daripada tarikh perintah dikeluarkan, Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa budi bicara untuk membenarkan permohonan di bawah Aturan 3 Kaedah 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah (KKM) 2012 untuk memberi lanjutan masa bagi membolehkan pemfailan Notis Rayuan (Borang K1) di luar tempoh masa dilakukan.

Tempoh 14 hari ini bukanlah muktamad dengan sebab Mahkamah Tinggi mempunyai kuasa budi bicara untuk membenarkan tempoh lanjutan diberikan di bawah Aturan 3 Kaedah 5(1) KKM 2012 yang menyatakan sebagaimana berikut:

“The court may, on such terms as it thinks just, by order, extend or abridge the period within which a person is required or authorised by these rules or by any judgment, order or directions to do any act in any proceedings.”

Isunya mungkin tentang bagaimana kuasa budi bicara ini harus digunakan oleh Mahkamah bagi mencapai keadilan kepada pihak-pihak.

Rayuan di bawah seksyen 29 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 adalah rayuan yang bersifat perintah **mandamus dan certiorari**. Dengan wujudnya fakta dan/atau isu baru, maka perintah terdahulu boleh diketepikan, dan perlunya dibuat ulang bicara di Unit Pembahagian Pusaka Kecil. Bukannya Mahkamah Tinggi itu sendiri yang memutuskan merit fakta dan merit isu undang-undang yang baru tersebut.

Ini bermaksud bahawa, pada peringkat ini, Mahkamah Tinggi hanyalah melihat kepada merit bahawa ada pertikaian-pertikaian yang perlu **dinilai semula oleh Pentadbir Tanah** dan membuat keputusan baru berdasarkan fakta-fakta yang baru, dan/atau isu undang-undang yang baru. Pada peringkat ini, bukanlah Mahkamah Tinggi itu sendiri yang menentusahkan sama ada merit berada di pihak yang mana.

Seksyen 19 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 yang menyatakan dengan jelas bahawa Pentadbir Tanah boleh membuat penilaian dengan memanggil pakar-pakar dalam perundangan tentang harta pusaka Islam dalam menentukan merit pihak-pihak yang bertelagah.

“19.(1) If any difficult point of law or custom arises in any proceedings under this Act, the Collector may-

(a) if the question relates to Islamic law or Malay custom or to native law or custom of Sabah or Sarawak, refer the matter for decision to the Ruler of the State in which his district is situated or to such other person or body of persons as the Ruler may direct; or ...”

Di dalam kes *Ismail bin Ghulam Hussain & Ors v Nurul Shuhada binti Yaakub & Anor* [2019] MLJU 1154, perayu memohon pada prayer (c) supaya diadakan **perbicaraan semula** berhubung Pembahagian Harta Pusaka Simati, Ambong binti Abdullah. Perbicaraan semula inilah yang dikatakan sebagai bersifat *mandamus* dan *certiorari*.

Nota Perbicaraan Unit Pembahagian Pusaka Kecil

Sekiranya pihak-pihak mahukan salinan nota perbicaraan bagi bicara pusaka yang sudahpun selesai, satu permohonan boleh dibuat ke Unit Pembahagian Pusaka Kecil di mana tempat bicara pusaka diadakan. Pemohon hendaklah menulis surat kepada pejabat pusaka kecil yang berkenaan dan menyatakan nombor rujukan dan tujuan nota perbicaraan tersebut dipohon.

Pejabat pusaka akan mencari fail yang dimaksudkan, mengambil nota tulisan tangan pegawai yang memutuskan kes, dan kemudian menaip semula nota tersebut. Setelah siap, pejabat pusaka akan menghubungi pemohon, memaklumkan bahawa nota perbicaraan sudah pun siap dan sudah sedia untuk diberikan kepada pemohon.

Pemohon dikehendaki membuat bayaran kepada pejabat pusaka. Bayaran yang dikenakan adalah berdasarkan panjang atau pendeknya nota perbicaraan tersebut. Makin panjang nota perbicaraan, makin mahal caj yang dikenakan.

Antara butir-butir yang dinyatakan dalam nota perbicaraan adalah sebagaimana berikut:

1. Tempat dan tarikh bicara pusaka diadakan;
2. Nama pegawai pusaka yang mengendalikan perbicaraan;
3. Maklumat pemohon yang memohon bicara pusaka si mati;
4. Senarai aset si mati dan nilai aset tersebut semasa tarikh mati dan semasa permohonan dibuat;
5. Senarai waris yang berhak dan orang yang berkepentingan terhadap harta pusaka si mati;
6. Senarai kehadiran mereka yang menghadiri bicara pusaka;
7. Senarai penghutang / pemiutang;
8. Keterangan pemohon;
9. Keterangan atau kenyataan waris-waris lain atau sesiapa yang menghadiri perbicaraan;
10. Catitan pegawai pusaka;
11. Ulasan pegawai pusaka; dan
12. Perintah yang dikeluarkan.

Salinan nota perbicaraan ini adalah penting bagi pihak-pihak memahami apa yang telah berlaku semasa perbicaraan berlangsung.

MAHKAMAH TINGGI SIVIL

Mahkamah Tinggi Sivil (selepas ini dirujuk sebagai Mahkamah Tinggi) mempunyai kuasa membahagikan harta pusaka berwasiat dan tanpa wasiat, pada semua jenis harta, alih dan tidak alih dan tidak tertakluk kepada sebarang nilai harga (Akta Probet dan Pentadbiran 1959). Mahkamah Tinggi juga berkuasa mendengar dan memutuskan sebarang rayuan ke atas keputusan oleh Amanah Raya Berhad dan Pentadbir Tanah. (Mohd Fitri Abdul Rahman. hlm. 25)

Pengurusan harta pusaka di Mahkamah Tinggi tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, Aturan 71 bagi prosiding probet tidak bertikaian dan Aturan 72 bagi prosiding probet bertikaian. Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memperuntukkan berkenaan dengan tatacara dan prosedur permohonan kuasa mentadbir manakala Akta Probet dan Pentadbiran 1959 pula mengandungi peruntukan undang-undang berkenaan dengan pemberian kuasa mentadbir oleh Mahkamah Tinggi.

Bagi kes harta berwasiat, Mahkamah Tinggi akan mengeluarkan kuasa mentadbir dalam bentuk geran probet kepada wasi/pelaksana yang dilantik melalui wasiat si mati. Permohonan geran probet merupakan suatu tindakan untuk memperakukan dan mengesahkan sesuatu wasiat yang ditinggalkan oleh si mati. Tujuan geran probet adalah untuk memberi pengiktirafan kepada sesuatu wasiat yang sah di sisi undang-undang. Kebiasaannya pembuat wasiat akan melantik seseorang sebagai wasi/pelaksana bagi melaksanakan wasiat terakhirnya.

Untuk kes harta tidak berwasiat, geran surat kuasa mentadbir akan dikeluarkan kepada pentadbir yang dilantik oleh mahkamah yang mampu mentadbir dan menguruskan harta

pusaka si mati bagi pihak waris-waris yang lain. Secara asasnya, pentadbir akan dilantik dalam kalangan ahli waris si mati kecuali dalam keadaan tertentu, mahkamah boleh melantik sesiapa sahaja yang difikirkan layak. (Seksyen 30 Akta Probet dan Pentadbiran 1959)

Apabila sesuatu kuasa mentadbir sama ada dalam bentuk geran probet ataupun geran surat kuasa mentadbir telah dikeluarkan, wasi/pelaksana ataupun pentadbir mempunyai kuasa untuk berurusan dengan harta pusaka tersebut. Urusan ini termasuklah pengumpulan ataupun penghasilan harta serta penyelesaian hutang dan liabiliti si mati. Setelah itu, permohonan untuk perintah mahkamah bagi perletakhakan (Seksyen 72 Akta Probet dan Pentadbiran 1959) ataupun perintah pembahagian/penjualan (Seksyen 60 Akta Probet dan Pentadbiran 1959) harta pusaka perlu dibuat bagi tujuan pindah milik/pembahagian harta pusaka kepada benefisiari dan waris yang berhak berdasarkan wasiat ataupun faraid. (Akmal Hidayah. 2020. hlm. 163-164)

BAHAGIAN KUASA MATI

Pengurusan harta pusaka dikawal di bawah undang-undang sivil dengan menjadikan Bahagian Kuasa Mati, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sebagai pusat pengumpulan sebarang permohonan dan/atau tuntutan berkaitan harta pusaka si mati. Bahagian Kuasa Mati akan memaklumkan kepada pihak-pihak tentang sebarang permohonan sedia ada (jika ada) dan mengeluarkan Borang C Kuning, atau membenarkan sebarang permohonan baru dengan mengeluarkan Borang C Putih sebagai tanda sesuatu kes boleh diteruskan. Walau bagaimanapun, Bahagian Kuasa Mati tidak mempunyai sebarang rekod sekiranya terdapat tuntutan pengesahan wasiat dan/atau tuntutan pengesahan hibah bagi harta pusaka si mati yang dituntut di Mahkamah Syariah. Kesannya, terdapat beberapa kes, pihak-pihak mengambil kesempatan atas kelompangan ini dengan meneruskan permohonan tuntutan harta pusaka si mati dalam keadaan terdapatnya tuntutan berkaitan wasiat dan/atau hibah bagi harta pusaka yang sama. Terdapat juga kes perintah pengesahan wasiat dan/atau hibah gagal didaftarkan kerana perintah turunmilik akibat kematian sudah pun dilaksanakan dan/atau didaftarkan terlebih dahulu. Proses rayuan dan/atau semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi akan lebih membebankan pihak-pihak yang sudah pun berhempas pulas sebelum itu dalam tuntutan-tuntutan di Mahkamah Syariah.

MAHKAMAH SYARIAH

Perlembagaan Persekutuan meletakkan perkara berkenaan hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga orang Islam (termasuk pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat) di bawah senarai Negeri. (Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 2, Perkara 1). Oleh hal yang demikian, mahkamah syariah adalah berbidangkuasa dalam pengurusan harta pusaka orang Islam seperti dalam kes permohonan pengesahan waris dan pengiraan faraid, (seksyen 50 Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993) permohonan pengesahan instrumen-instrumen berkaitan harta pusaka seperti dokumen hibah, wasiat, dan wakaf, permohonan pengesahan harta sepencarian, dan lain-lain. Walau bagaimanapun, mahkamah syariah tidak mempunyai kuasa mendengar kes perbicaraan harta pusaka serta mengeluarkan perintah pembahagian.

Oleh hal yang demikian, perintah faraid yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah tidak boleh digunakan sebagai dokumen untuk membolehkan harta tak alih diturun milik kepada pewaris, sebab perintah faraid bukanlah satu perintah turunmilik bagi sesuatu kes harta pusaka.

Perintah faraid hanyalah satu perakuan tentang senarai waris yang layak menerima harta pusaka si mati dan bahagian mereka mengikut kiraan faraid.

Permohonan perintah turunmilik bagi harta tak alih si mati kepada waris hendaklah dipohon di unit pembahagian pusaka kecil atau mahkamah tinggi bergantung kepada nilai semasa harta tak alih tersebut.

Berlainan kesnya di Negeri Sabah. Mahkamah Syariah di Sabah berbidangkuasa mengeluarkan perintah pelantikan wasi dan pembahagian harta pusaka orang Islam selepas beberapa pindaan dibuat pada bidang kuasa Mahkamah Anak Negeri di Sabah dan Mahkamah Syariah di Sabah. (Ahmad Termizi Abdullah. 2019. hlm. 49-50)

Pengiktirafan terhadap perintah pembahagian harta pusaka dan surat pentadbir harta pusaka yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah di Sabah telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi Tawau dalam kes *Noh bin Abdul Aziz & Anor. lwn. Director of Lands and Surveys, Kota Kinabalu & Anor* [1999] 6 MLJ 772 yang telah memutuskan bahawa Mahkamah Rendah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan perkara berhubung dengan pembahagian dan pewarisan harta, berwasiat atau tak berwasiat. Dalam perkara ini, tidak salah bagi pemohon-pemohon untuk membuat permohonan di Mahkamah Syariah untuk perintah-perintah itu walaupun ia juga dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil. (Akmal Hidayah. hlm. 171)

PENGIKTIRAFAN PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH DI BAWAH KANUN TANAH NEGARA 1965

Sebelum pindaan Kanun Tanah Negara 1965 pada tahun 1992, Mahkamah Syariah tidak mempunyai kuasa mengeluarkan perintah di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara 1965. Ini bermakna bahawa apa-apa keputusan dan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Syariah yang berkaitan dengan orang-orang Islam, tidak diiktiraf dan tidak diakui oleh mana-mana pihak atau institusi tertentu, terutamanya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan tanah. Perkara ini berlaku kerana tafsiran Mahkamah di bawah seksyen 5, Kanun Tanah Negara 1965 bermaksud 'Mahkamah Tinggi di Malaya' sahaja.

Tetapi pada tahun 1992, Kanun Tanah Negara 1965 telah dipinda dengan mewujudkan seksyen 421(A) yang baru memperuntukkan:

"Bagi maksud seksyen 417 dan 420 "Mahkamah" termasuklah Mahkamah Syariah".

Pindaan ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan terhadap perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah mengenai perkara-perkara yang Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa, terutamanya berhubung dengan persoalan hartanah orang-orang Islam, sama ada dalam tuntutan harta sepencarian, harta pusaka, wasiat, wakaf, hibah dan sebagainya. Perintah yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah hendaklah diikuti oleh Pendaftar atau Pentadbir Tanah Jajahan dan seumpamanya. (Mohd Zamro Muda. 2008. hlm. 42-43)

PERINTAH MAHKAMAH SYARIAH LAWAN PERINTAH PEMBAHAGIAN

Dalam kes perintah-perintah lain seperti perintah harta sepencarian, perintah hibah dan perintah wasiat yang dikeluarkan setelah harta pusaka dibuat pembahagian di Unit

Pembahagian Pusaka Kecil, maka, tiada apa-apa perubahan atau pembatalan perintah pembahagian pusaka tersebut boleh dibuat kecuali melalui perintah Mahkamah Tinggi Sivil.

Oleh itu, sekiranya pihak yang menuntut harta sepencarian atau hibah atau wasiat memperoleh perintah daripada Mahkamah Syariah setelah perintah pembahagian dikeluarkan, perintah tersebut tidak boleh dilaksanakan kecuali pihak yang mendapat perintah pembahagian pusaka itu terlebih dahulu memohon pembatalan perintah pembahagian pusaka daripada Mahkamah Tinggi Sivil dan jika dibenarkan pendengaran semula kes pusaka akan dibuat dan perintah-perintah lain tadi akan dilaksanakan.

Biasanya dalam kes seperti ini, ada salah seorang ahli waris yang mendakwa bahawa harta yang telah menjadi harta pusaka itu sebenarnya telah dihibahkan atau telah diwasiatkan oleh si mati kepadanya atau ia adalah sebahagiannya harta sepencarian. Oleh itu, jika ada tuntutan seperti ini, perbicaraan pengesahan hibah atau wasiat dan pembahagian harta sepencarian hendaklah terlebih dahulu dibicarakan sehingga mendapat perintah muktamad. Selepas itu barulah permohonan perintah faraid dibuat.

Setelah perintah-perintah ini diperoleh (iaitu perintah faraid dan perintah-perintah lain), pemohon bolehlah ke Pejabat Unit Pembahagian Pusaka Kecil untuk mendapatkan perintah pembahagian pusaka pula bagi mengelakkan berlaku pembatalan dan pendengaran semula kes pusaka. (Abdul Walid bin Abu Hassan. 2020. hlm. 151-152)

KAVEAT PUSAKA

Tindakan bagi kes litigasi probet biasanya dimulakan dengan pendaftaran kaveat pusaka, sama ada sebelum atau selepas permohonan untuk geran telah dibuat, sama ada dalam bentuk ex-parte atau inter-parte. Dalam sesetengah kes, sesuatu tindakan mungkin telah dimulakan dengan saman pemula, dan kemudiannya bertukar kepada writ saman. Sesiapa yang ingin memastikan bahawa tiada geran dipohon tanpa notis kepadanya, boleh memasukkan kaveat pusaka dengan memfailkan borang kaveat menggunakan Borang 164 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Dengan pendaftaran kaveat pusaka, ini dapat menghalang pengekstrakan pemberian geran. Walau bagaimanapun, tiada kaveat boleh beroperasi untuk menghalang pengekstrakan geran pada hari kaveat difailkan.

Kaveat akan kekal berkuatkuasa selama tempoh enam (6) bulan dari tarikh ia dimasukkan, tanpa memprejudiskan kemasukan kaveat selanjutnya. Dalam kes *Mohamed Daud bin Haji Mohamed Tahir v Habibah bte Badu Rahman & Ors* [1959] MLJ 55, defendan telah memasukkan kaveat pusaka. Plaintif membuat bantahan awal dengan alasan bahawa kaveat pusaka yang telah dimasukkan oleh defendan telah tamat tempoh, dan defendan tidak lagi mempunyai locus perundangan dalam kes itu. Mahkamah telah memutuskan, antara lain, bahawa kaveat pusaka yang telah dimasukkan oleh defendan telah luput tempoh masa kerana kegagalan defendan untuk memperbaharunya. Kaveat tersebut didapati telah luput tempoh dan tidak lagi berkuat kuasa. Oleh itu, defendan telah dinafikan daripada menentang pemberian geran surat kuasa mentadbir oleh plaintif.

Apabila kaveat pusaka didaftarkan, adalah menjadi kewajipan Pendaftar Mahkamah untuk memaklumkan kepada mana-mana pemohon kepada harta pusaka si mati tentang kewujudan kaveat pusaka. Pemohon kemudiannya boleh mengeluarkan amaran menggunakan Borang

165 kepada pengkaveat. Pemohon pada peringkat ini, mesti menyatakan hak kepentingannya dalam harta pusaka si mati, dan jika pemohon mendakwa kesahihan wasiat, tarikh wasiat juga mesti dinyatakan. Pemohon mesti memaklumkan pengkaveat dengan memberikan butir-butir tentang hak kepentingan dirinya yang mungkin bertentangan dengan hak kepentingan pengkaveat dalam hal harta pusaka si mati. Setiap amaran atau salinannya mesti diserahkan kepada pengkaveat dan difailkan.

Apabila menerima Borang 165, pengkaveat boleh memasukkan kehadiran menggunakan Borang 166 dalam tempoh lapan (8) hari dari tarikh penerimaan Borang 165 (Aturan 71 Kaedah 37(10) KKM 2012). Pengkaveat mesti menyatakan dalam memorandum kehadirannya tentang apa kepentingan yang pengkaveat ada berkaitan harta pusaka si mati. Walaupun kehadiran dalam Borang 166 tidak memperuntukkan kemasukan butir-butir tentang kepentingan pengkaveat, Aturan 71 kaedah 37(8) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 memerlukan pengkaveat untuk menyatakan dalam memorandum kehadiran untuk menyatakan butir-butir tentang hak kepentingannya ke atas harta pusaka si mati. Dalam kes *Leong Chee Kong v Tan Leng Kee* [2001] 1 AMR 1117; [2001] 1 MLJ 77, diputuskan bahawa kegagalan oleh pengkaveat untuk menyatakan kepentingannya atas harta pusaka si mati adalah bertentangan dengan tindakannya dalam pemfailan memorandum kehadiran, mengakibatkan kaveat pusaka tidak sah. Dalam kes ini, pemohon berusaha untuk mendapatkan probet di bawah Aturan 71 Kaedah 46. Pemohon mengeluarkan amaran kepada pengkaveat sebagaimana peruntukan di bawah kaedah 37(8). Pengkaveat kemudian memfailkan memorandum kehadiran kepada amaran itu dengan mematuhi Borang 175 ketika itu seperti yang diperuntukkan di bawah kaedah 37(10). Pada perbicaraan kes, pemohon membangkitkan bantahan awal, dengan alasan bahawa pengkaveat telah gagal memberikan butir-butir tentang kepentingan pengkaveat berkaitan harta pusaka si mati seperti yang dikehendaki di bawah kaedah 37(8). Pengkaveat menjawab bahawa dia telah memfailkan memorandum kehadiran dalam Borang 175 dan di bawah Aturan 71 kaedah 37(10) seperti yang diperuntukkan. Tiada borang lain mahupun peraturan yang menunjukkan untuk pengkaveat mesti menyatakan butir-butir kepentingan seperti yang dikehendaki oleh pemohon. Pengkaveat seterusnya menyatakan bahawa dia tidak bebas untuk mengubah Borang 175 dengan mengemukakan butiran yang tidak diperlukan secara nyata. Mahkamah berpegang bahawa keperluan mandatori kaedah 37(8) dan Borang 174 ketika itu sepatutnya telah dipatuhi oleh pengkaveat. Kegagalan untuk berbuat demikian bermakna bahawa memorandum kehadiran yang difailkan oleh pengkaveat adalah tidak sah, dan kehadirannya pada pendengaran kes juga tidak sah.

Jika pengkaveat mendakwa tentang kewujudan wasiat yang sah, pengkaveat dikehendaki memberikan butir-butir dan kepentingan dirinya yang bertentangan dengan kepentingan pemohon. Jika pengkaveat tidak mempunyai kepentingan yang bertentangan dengan kepentingan pemohon, tetapi berhasrat mahukan kausa terhadap pemberian geran kepada pemohon, pengkaveat boleh memfailkan saman untuk arahan (*summon for direction*) dalam tempoh lapan (8) hari dari tarikh penerimaan Borang 165 ke atas dirinya. Ini biasanya berlaku dalam kes pengkaveat memerlukan beberapa bentuk jaminan bahawa harta pusaka si mati akan ditadbir demi kepentingan semua waris.

Apabila memorandum kehadiran dimasukkan oleh pemohon sebagai jawapan kepada amaran pengkaveat (Borang 166), perkara itu hendaklah disifatkan sebagai litigasi sivil dan mahkamah selepas itu tidak mempunyai bidang kuasa untuk memberikan geran surat kuasa mentadbir. Perkara yang dipertikaikan hendaklah dirujuk kepada Hakim yang boleh melupuskan perkara itu secara ringkas atau mengarahkan supaya peruntukan di bawah Aturan 72 hendaklah terpakai. Jika perkara itu diarahkan untuk dilupuskan secara ringkas, permohonan itu hendaklah lazimnya dibawa ke mahkamah terbuka untuk pendengaran. Pada pendengaran tersebut, mahkamah boleh sama ada memberi atau menolak permohonan pemohon atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkan adil dan suai manfaat kepada pihak-pihak.

Dalam kes *Re Yeow Chow Beng* [1998] 1 AMR 690: [1998] 3 CLJ 141, isu di hadapan mahkamah adalah sama ada permohonan itu boleh didengar secara ringkas atau perlu diteruskan sebagai perkara yang dipertikaikan. Dalam kes ini, wasi dan pemegang amanah si mati berdasarkan wasiat bertarikh 24 April 1995, memfailkan permohonan untuk geran probet bagi harta pusaka si mati. Satu kaveat kemudiannya dimasukkan oleh pengkaveat terhadap isu geran probet. Mahkamah memihak kepada pengkaveat atas alasan bahawa mereka adalah waris dan pemegang amanah di bawah wasiat terakhir pewasiat yang ditandatangani pada 10 September 1995. Akibat kaveat itu, pemohon mengeluarkan amaran di bawah Borang 165. Pengkaveat kemudian memasukkan kehadiran. Sehubungan itu, perkara itu disifatkan sebagai dipertikaikan. Memandangkan kehadiran yang dimasukkan oleh pengkaveat menunjukkan bahawa pengkaveat ada dalam milikannya wasiat bertarikh terkemudian dari tarikh wasiat dalam milikan pemohon, perkara itu tidak dapat dilupuskan secara prosiding ringkas. Kesahihan wasiat hanya boleh ditentukan dalam tindakan perbicaraan penuh dan oleh itu, perkara itu perlu diteruskan sebagai prosiding litigasi probet.

Jika had masa untuk memfailkan kehadiran dalam Borang 166 telah tamat tempoh dan pengkaveat belum memasukkan kehadiran, pemohon boleh memfailkan affidavit penyampaian yang menunjukkan bahawa amaran itu telah disampaikan dengan sewajarnya dan bahawa pemohon tidak menerima apa-apa saman untuk apa-apa tindakan lanjut, dan pemohon boleh memohon supaya kaveat itu hendaklah tidak lagi berkuat kuasa. Mahkamah boleh meneruskan permohonan untuk geran tersebut sebagai permohonan ex-parte. Kaveat pusaka juga boleh dianggap sebagai tiada kesan jika pengkaveat menarik balik kaveatnya. Penarikan balik kaveat pusaka hendaklah difailkan dan diserahkan kepada pemohon.

PERTENTANGAN ANTARA UNDANG-UNDANG PERSEKUTUAN DAN UNDANG-UNDANG NEGERI

Negara Persekutuan terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

- (i) Persekutuan yang kerajaan pusatnya lebih lemah daripada kerajaan negeri, kerana kebanyakan kuasa yang mustahak diberi kepada kerajaan negeri.
- (ii) Persekutuan yang kerajaan pusatnya lebih kuat daripada kerajaan negeri.
- (iii) Persekutuan yang kerajaan pusat dan kerajaan negeri mempunyai kuasa yang sama banyak.

Kategori pertama dan kedua bukanlah persekutuan yang sebenar tetapi hanyalah merupakan kuasi-persekutuan (*quasi federalism*). Persekutuan yang sebenar adalah kategori ketiga. Hanya Amerika Syarikat sahaja yang termasuk di bawah kategori ini. Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia kemudiannya termasuk dalam kategori kedua. Perlembagaan Persekutuan digubal dan dikuatkuasakan berasaskan konsep ini, iaitu sebuah negara persekutuan yang kerajaan pusat mempunyai kuasa yang kuat dan lebih berbanding dengan kerajaan negeri. (Mohd Zamro Muda. hlm. 23-24)

DUALISME SISTEM KEHAKIMAN

Dualisme sistem kehakiman menimbulkan konflik dalam pentadbiran pusaka orang Islam apabila proses tuntutan pembahagian pusaka melibatkan dua buah mahkamah. Para waris dikehendaki merujuk kepada mahkamah tinggi untuk mendapatkan surat pentadbiran pusaka dan probet, dan mahkamah syariah untuk mendapatkan perintah faraid. Walau bagaimanapun, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid bin Haji Mohamad menyatakan bahawa konsep ini tidak menyebabkan pertindanan bidang kuasa dalam pentadbiran pembahagian harta pusaka orang Islam di bawah perundangan Malaysia.

Menurut Tun Abdul Hamid, konsep dualisme dalam pentadbiran pusaka orang Islam ini merupakan penyelesaian terbaik dan sewajarnya dikekalkan kerana beberapa sebab berikut:

1. Walaupun pembahagian harta pusaka ini melibatkan orang Islam, namun adakalanya terdapat kepentingan orang bukan Islam dan mereka ingin melakukan tuntutan. Oleh itu, bidang kuasa yang berkaitan dengan orang bukan Islam ialah mahkamah sivil.
2. Kemungkinan timbul persoalan berhubung undang-undang tanah seperti kewujudan kaveat, injunksi, cabaran hak milik tanah dan sebagainya yang terletak di bawah bidang kuasa mahkamah sivil.
3. Bidang kuasa pembahagian juga melibatkan pejabat tanah yang mempunyai segala rekod berhubung tanah dan bidang kuasa melakukan pembahagian, pecah lot dan sebagainya.
4. Mahkamah Syariah adalah mahkamah negeri dan bidang kuasanya terhad kepada negeri tertentu sahaja. Kedudukan ini akan menyulitkan proses pembahagian pusaka sekiranya melibatkan harta pusaka yang banyak dan berada di negeri-negeri yang berlainan atau di luar negara kerana ia boleh melambatkan perbicaraan, menyusahkan para waris dan meningkatkan kos.
5. Menyukarkan proses pemantauan rekod permohonan yang dibuat di Pejabat Pendaftaran Pusat (Bahagian Kuasa Mati), Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur kerana setiap negeri memerlukan pusat rekod yang berlainan apabila bidang kuasa diserahkan seluruhnya kepada mahkamah syariah. Sekiranya berlaku penyatuan mahkamah syariah, rekod-rekod yang sedia ada tersimpan di Pejabat Pendaftaran Pusat sekarang ini sukar untuk diasingkan kerana telah tersimpan sejak tahun 1946 dan memerlukan pengasingan antara permohonan orang Islam dengan orang bukan Islam, sedangkan ada juga permohonan pusaka orang Islam dilakukan oleh orang bukan Islam sekiranya menjadi pemiutang.
6. Beberapa kaedah, prosedur dan undang-undang acara yang baharu perlu digubal semula untuk membolehkan pemakaiannya di mahkamah syariah di seluruh negara. Proses penggubalan ini akan memakan masa dan seterusnya melambatkan lagi proses pembahagian pusaka. Para hakim dan pegawai mahkamah perlu diberikan pendedahan semula berhubung pentadbiran pusaka ini.

7. Selama ini, proses pembahagian di mahkamah sivil dan pejabat tanah melibatkan kes-kes pentadbiran sahaja. Justeru, ia tidak berkaitan dengan hukum syarak dan ini tidak menjadikan apa yang diputuskan oleh badan-badan sivil ini sebagai bercanggah dengan hukum syarak. (Jasni Sulong. 2011. hlm. 209-210)

ALTERNATIF PENTADBIRAN PUSAKA ORANG ISLAM DI MAHKAMAH SYARIAH

Terdapat dua pandangan yang berbeza berhubung dengan hasrat untuk meletakkan pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang-orang Islam di Mahkamah Syariah; iaitu satu golongan yang ingin mengekalkan pentadbiran dan undang-undang yang sedia ada dengan meminda peruntukan tertentu dalam undang-undang tersebut untuk memberikan kuasa kepada Mahkamah Tinggi Syariah untuk membahagikan harta pusaka orang-orang Islam. Dan kedua, golongan yang mahukan pentadbiran dan undang-undang pusaka orang-orang Islam yang baru hendaklah digubal secara berasingan dan perkara itu diletakkan sepenuhnya di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Pandangan kedua di atas adalah lebih menepati kehendak Perlembagaan Persekutuan (Butiran 1, Senarai 2 dan Butiran (4)(e)(ii), Senarai 1 Jadual Kesembilan), tujuan pindaan Perkara 121(1A) Perlembagaan, pindaan Kanun Tanah Negara 1965 (pindaan 1992) terhadap seksyen 421A dan bersesuaian pula dengan hasrat kerajaan untuk menaikkan taraf dan bidang kuasa Mahkamah Syariah di negara ini.

Persoalan sama ada Undang-Undang Pusaka orang-orang Islam yang baru itu digubal oleh negeri-negeri atau Persekutuan adalah banyak bergantung kepada perkembangan mutakhir Mahkamah-Mahkamah Syariah di Malaysia hari ini. Sekiranya Mahkamah Syariah seluruh negara diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Pusat, maka undang-undang itu perlu digubal dan diselaraskan di peringkat Persekutuan serta dilaksanakan kepada seluruh negeri di Malaysia.

Pada masa penggubalan undang-undang baru itu perlulah diberi perhatian kepada Undang-Undang Pusaka Islam (faraid) dan beberapa aspek pentadbiran seperti pendaftaran pusat dan bentuknya, harta pusaka yang berada di beberapa buah negeri dan penyelarasannya, pegawai-pegawai penyelesai pusaka yang ada dan aspek pentadbiran yang lain. (Mohd Ridzuan Awang. 2013. hlm. 126-127)

Cadangan Ke Arah Pentadbiran Pusaka Orang Islam Sepenuhnya di Mahkamah Syariah

Apabila semua undang-undang pentadbiran perundangan Islam negeri-negeri telah memperluaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah, yang membolehkan mahkamah tersebut mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding berkaitan dengan pembahagian dan pewarisan harta pusaka berwasiat dan tidak berwasiat bagi orang-orang Islam, maka matlamat ke arah pentadbiran pusaka orang-orang Islam sepenuhnya di Mahkamah Syariah akan lebih bermakna dan berjaya jika cadangan-cadangan di bawah diberi perhatian.

Bagi memastikan kejayaan dan pelaksanaan pentadbiran pusaka orang-orang Islam sepenuhnya di Mahkamah Syariah, maka cadangan-cadangan berikut hendaklah diambil kira, iaitu:

- (1) Mewujudkan undang-undang bertulis seperti Undang-Undang Pentadbiran Pusaka Orang-Orang Islam dan undang-undang lain yang berkaitan seperti Undang-Undang Wasiat, Undang-Undang Wakaf dan seumpamanya. Ketiga-tiga undang-undang tersebut bolehlah dinamakan sebagai ‘Akta/Enakmen Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam’, ‘Akta/Enakmen Wasiat Orang Islam’ dan ‘Akta/Enakmen Pentadbiran Wakaf’ atau sebagainya.
- (2) Dalam menggubal Undang-Undang Pentadbiran Pusaka Orang-Orang Islam yang baru, ia hendaklah merangkumi dua bahagian iaitu Undang-Undang Pusaka Islam (faraid) dalam bentuk kodifikasi yang berasaskan pendapat Mazhab Syafie atau pendapat Mazhab Sunni yang lain demi kepentingan dan masalah umat Islam, dan kedua, peraturan Pentadbiran Pusaka Orang-Orang Islam. Kedua-dua aspek undang-undang ini amat penting dan saling berkaitan antara satu sama lain bagi memberi keadilan kepada ahli-ahli waris terlibat dalam pembahagian harta pusaka si mati.
- (3) Undang-Undang Pusaka di negara-negara Islam terutamanya Qanun Mawaris 1943 dan Qanun Wasiyyah 1946 bagi negara Mesir adalah merupakan contoh yang paling baik dan berguna untuk diteladani kerana undang-undang tersebut telah terbukti keberkesannya semenjal lebih 50 tahun yang lalu.
- (4) Undang-undang yang baik sahaja tidak akan berkesan dan memberi makna jika orang yang melaksanakan undang-undang tersebut adalah tidak cekap. Oleh itu pegawai dan kakitangan Mahkamah Syariah hendaklah membuat persediaan awal yang secukupnya bagi menghadapi cabaran dan melaksanakan kehendak Undang-Undang Pusaka Islam yang dicadangkan. Dengan ini disarankan agar Hakim-Hakim Syarie yang khusus diberikan tanggungjawab dan amanah untuk mendengar dan memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan kehartaan seperti tuntutan harta pusaka orang-orang Islam, harta sepencarian, wasiat, wakaf dan nazar.
- (5) Masalah-masalah lain yang berkaitan dengan pentadbiran seperti pendaftaran pusat, penyelarasan harta pusaka yang terletak di beberapa buah negeri dan kedudukan Pegawai Penyelesai Pusaka yang ada bolehlah ditentukan apabila Mahkamah Syariah diletakkan di bawah Pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah Pusat. (Mohd Ridzuan Awang. hlm. 129-131)

CADANGAN ALTERNATIF

Tun Abdul Hamid turut memberi cadangan supaya diadakan “mahkamah khas” dalam urusan pusaka Islam dengan menyatukan mahkamah syariah dengan mahkamah sivil. Hakim-hakim sivil dan syarie diletakkan dalam sebuah mahkamah yang mana perkara berhubung sivil dibicarakan oleh hakim sivil dan hal-ehwal hukum syarak dibicarakan oleh hakim syarie. Oleh itu, dua orang hakim akan bersidang bersama-sama dengan kuasa untuk membuat keputusan mengikut kepakaran masing-masing. Akhirnya, penghakiman dan perintah cuma perlu melalui sebuah mahkamah sahaja. Keadaan ini boleh mempercepatkan dan memudahkan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang supaya lebih berkesan. Selaras dengan konsep sebuah mahkamah ini, Pegarah Seksyen Pembahagian Pusaka mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah mahkamah pusaka bagi mentadbir kes-kes pusaka sebagaimana penubuhan mahkamah perusahaan dan mahkamah pilihan raya. Harta pusaka tanpa mengira

nilai dan bentuk hendaklah ditadbirkan oleh mahkamah ini bagi mengeluarkan surat perintah pembahagian, probet atau surat mentadbir pusaka. Hal ini kerana para pegawai Unit Pusaka Kecil sangat berpengalaman dalam pembahagian pusaka, sebahagian besarnya mempunyai latar belakang pendidikan agama dan telah mengendalikan unit ini sejak ditubuhkan pada tahun 1974. (Jasni Sulong. hlm. 211)

RUJUKAN

- Abdul Walid bin Abu Hassan. (2020). Amalan Dan Permasalahan Dalam Urusan Pentadbiran Pusaka/Faraid di Mahkamah Syariah Dan Sivil, dalam Faraid dan Perancangan Pewarisan: Harta Beku, Bidang Kuasa, dan Amalan di Malaysia, Muhammad Hisyam Bin Mohamad dan Siti Shamsiah Binti Md Supi (Penyunting). Kuala Lumpur: Penerbit Ikim. Cetakan Kedua.
- Ahmad Tarmizi Jusoh. (2009). Pewaris Jutawan: Kaedah Merancang & Menguruskan Harta Pusaka Islam. Selangor: Truewealth Sdn. Bhd.
- Ahmad Termizi Abdullah. (2019). Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka di Malaysia. Bandar Baru Bangi, Selangor: Carfi Integrated Sdn. Bhd. Cetakan Kedua.
- Akmal Hidayah bin Halim. (2020). Keberkesanan Dan Kecekapan Institusi Pengurusan Harta Pusaka Di Malaysia, dalam Muhammad Hisyam Bin Mohamad dan Siti Shamsiah Binti Md Supi (Penyunting), Faraid dan Perancangan Pewarisan: Harta Beku, Bidang Kuasa dan Amalan di Malaysia, Kuala Lumpur: Penerbit IKIM. Cetakan Kedua.
- Amir Bahari. (2012). Soal Jawab Wasiat Islam; Solusi Permasalahan Pewarisan Islam. Selangor: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Jasni Sulong. (2011). Pembaharuan Undang-Undang Pentadbiran Pusaka Islam. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Fitri Abdul Rahman. (2007). Bagaimana Mengurus Harta Pusaka. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Ridzuan Awang. (2013). Pentadbiran Harta Pusaka Di Mahkamah Syariah, dalam Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Penyelarasan Undang-Undang Syarak Dan Sivil. Jilid 2. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Zamro Muda, Mohd. Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad, Md. Yazid Ahmad. (2008). Pengantar Undang-Undang Dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat Dan Wakaf Orang Islam Di Malaysia, Bangi, Selangor: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.